

## K. P.U. 19.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 1991

Akta 133.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Menteri/Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil berikut:

Nama.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1991**.

Pindaan  
undang-undang  
kecil 2.  
P.W. 5178/85.

2. Undang-undang Kecil 2 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang disebut sebagai "Undang-undang Kecil Ibu" dalam Undang-undang Kecil ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja takrif "orang berkelayakan" takrif baru yang berikut:

"orang-orang tak upaya" ertinya orang-orang yang mempunyai kecacatan fizikal, pendengaran atau penglihatan yang memberi kesan terhadap pergerakan atau penggunaan bangunan yang disebut di bawah undang-undang kecil 34A:"

Undang-undang  
kecil  
baru 34A.

3. Undang-undang kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 34, undang-undang kecil baru 34A yang berikut:

"Kehendak-  
kehendak  
bangunan  
untuk  
orang-  
orang  
tak upaya.

34A. (1) Mana-mana bangunan atau bahagian daripadanya di mana undang-undang kecil ini terpakai hendaklah:

(a) disediakan akses bagi membolehkan orang-orang tak upaya masuk ke dalam, keluar darinya dan bergerak dalam bangunan itu kecuali bagi mana-mana bahagian bangunan itu yang akses disediakan sepenuhnya atau sebahagian besarnya untuk pemeriksaan, penyelenggaraan atau pembbaikan bangunan, perkhidmatan-perkhidmatannya atau loji atau jentera tetapi; dan

(b) direkabentukkan untuk kegunaan orang-orang tak upaya.

(2) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah dipuaskan dengan mematuhi Piawaian Malaysia MS 1184 dan MS 1183.

(3) Bangunan-bangunan yang pada tarikh undang-undang kecil ini mula berkuatkuasa telah didirikan, sedang didirikan atau belum didirikan tetapi pelan-pelan telah dikemukakan dan diluluskan, hendaklah diubahsuai atau dipinda supaya

mematuhi undang-undang kecil ini dalam masa 3 tahun dari tarikh penguatkuasaan undang-undang kecil ini.

(4) Walau apapun perenggan (3) pihak berkuasa tempatan boleh jika ia berpuashati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian—

- (a) membenarkan lanjutan atau lanjutan-lanjutan seterusnya suatu tempoh di mana kehendak-kehendak undang-undang kecil ini perlu dipatuhi; atau
- (b) membenarkan variasi, penyimpangan atau pengecualian sebagaimana yang ditentukan olehnya daripada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan di bawah perenggan (4) boleh dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan keputusan itu merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(6) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah terpakai kepada kesemua bangunan berikut atau mana-mana bahagian daripadanya—

- (a) pejabat, bank, pejabat pos, kedai, gedung perniagaan, pasaraya dan lain-lain bangunan pentadbiran dan perdagangan; kecuali rumah kedai yang wujud pada masa berkuatkuasanya undang-undang kecil ini;
- (b) bangunan-bangunan untuk perjalanan melalui keretapi, jalanraya, laut dan udara dan tempat-tempat yang berkaitan dengannya, bangunan tempat letak kereta dan kilang;
- (c) hospital, pusat perubatan, klinik dan lain-lain bangunan kesihatan dan kebajikan;
- (d) restoran, dewan konsert, panggung, pawagam, bangunan-bangunan persidangan, bangunan masyarakat, kolam renang, bangunan sukan, dan lain-lain bangunan di mana minuman dan makanan boleh dibeli, bangunan hiburan dan rekreasi;
- (e) bangunan keagamaan;

- (f) sekolah, kolej, universiti, zoo, muzium, galeri kesenian, perpustakaan, bangunan pameran dan lain-lain bangunan pendidikan, kebudayaan dan saintifik; dan
- (g) asrama, hotel dan lain-lain bangunan kediaman selain daripada rumah kediaman keluarga persendirian yang didiami oleh satu keluarga.

Dibuat pada 28 November 1992 bersamaan dengan 4 Jamadilakhir 1413.

HAI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
 Kedah Darul Aman*

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974  
 UNIFORM BUILDING (AMENDMENT) BY-LAWS 1991

**Act 133.** In exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974, the Minister/State Authority makes By-Laws:

**Citation.** 1. These By-laws may be cited as the **Uniform Building (Amendment) By-Laws 1991.**

**Amendment of By-law 2 G.N. 5178/85.** 2. By-law 2 of the Uniform Building By-laws 1984, which in this By-Laws is referred to as "the principal By-laws", is amended by inserting immediately after the definition of "detached building", the following new definition:

"disabled persons" means persons with a physical, hearing or sign impairment which affects their mobility or their use of buildings following as referred to under by-laws 34A:"

**New By-law 34A.**

3. The Principal By-Laws is amended by inserting immediately after by-law 34, the following new By-law 34A:

"Buildings requirements for disabled persons.

34A. (1) Any building or part thereof to which this by-law applies shall—

- (a) be provided with access to enable disabled persons to get into, out of and within the building except for any part of the building for which access is provided wholly or mainly for the inspection, maintenance or repair of the building, its services or fixed plant or machinery; and

